

RM1.46b 'hangus' akibat kumbang badak Guam, kumbang merah palma

Pelbagai langkah dilaksana elak tanaman kelapa dan sawit negara terjejas

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerugian sektor tanaman kelapa dan sawit boleh mencecah RM1.46 bilion setahun berikutan kegagalan melaksanakan kawalan berkesan terhadap serangan kumbang badak Guam dan kumbang merah palma.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kerugian itu merangkumi impak terhadap produktiviti, pendapatan pekebun kecil serta rantai nilai industri hiliran.

Katanya, lebih 5.56 juta hektar tanaman sawit dan 79,491 hektar kelapa kini terdedah kepada ancaman serius dua spesies asing invasif (IAS) itu sekiranya langkah pencegahan tidak diambil segera.

"Kementerian melalui Jabatan Pertanian sudah memperketatkan kawalan import benih kelapa, sawit dan palma dari negara endemik di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

"Pemantauan berterusan turut dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, manakala Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengawasi ladang sawit

berisiko tinggi dengan perangkap feromon," katanya kepada BH.

Mengikut rekod, kumbang merah palma atau *Rhynchophorus ferrugineus* juga dikenali sebagai *Red Palm Weevil* (RPW) dianggap sebagai perosak paling serius kepada pokok palma, termasuk sawit, kelapa dan kurma.

Kumbang badak Guam (*Oryctes rhinoceros*) juga dikenali *Coconut Rhinoceros Beetle* (CRB), sejenis kumbang besar yang menyerang pucuk muda pokok kelapa, sawit dan palma hiasan.

Mohamad berkata, pendekatan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) turut diguna pakai dengan kaedah kultural, mekanikal, fizikal, biologi dan kimia secara menyeluruh.

"Jabatan Pertanian menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi pengurusan kumbang merah palma untuk memastikan aktiviti pencegahan dan pengawalan sistematik.

"Walaupun tumpuan kini kepada langkah kawalan domestik, kementerian sentiasa terbuka memperkukuh kerjasama teknikal dengan negara serantau seperti Indonesia dan Filipina memandangkan ancaman perosak berkenaan bersifat rentas sempadan dan memerlukan tindakan kolektif antarabangsa," katanya.

Jadi ancaman terbesar

Sementara itu, Ketua Jabatan Pengurusan Tanah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Christopher Teh Boon Sung, berkata kumbang badak Guam dan kumbang merah palma an-

tara ancaman terbesar kerana berupaya merosakkan pokok muda dan dewasa hingga menyebabkan kematian serta kerugian hasil.

Katanya, kumbang badak Guam yang sebelum ini dilaporkan 'tidak hadir' di Malaysia, sudah dikesan di Lahad Datu, Sabah pada September 2023.

"Serangan besar-besaran di Indonesia misalnya menjejaskan hampir 2,000 hektar ladang kelapa dengan kadar kerosakan mencecah 100 peratus.

"Kumbang merah palma pula menyebabkan kemusnahan 465 hektar kelapa di Terengganu dalam tempoh sembilan tahun, membabitkan varieti utama seperti Malayan Tall, MAWA, MATAG dan kelapa pandan aromatik. Ia mula dikesan di Pantai Timur Semenanjung pada 2007, kemudian merebak ke 858 lokasi menjelang 2011, termasuk di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Tereng-

“Kerugian itu merangkumi impak terhadap produktiviti, pendapatan pekebun kecil serta rantai nilai industri hiliran”

Mohamad Sabu,
Menteri Pertanian dan
Keterjaminan Makanan



ganu dan Kelantan," katanya.

Katanya, kerugian akibat serangan kumbang merah palma dianggarkan sekitar RM70 juta dan jumlah itu berpotensi meningkat lebih tinggi memandangkan keluasan sawit dan kelapa yang terdedah amat besar.

"Faktor penyebaran cepat kumbang ini turut dipengaruhi perdagangan global, penanaman semula sawit yang meninggalkan batang reput sebagai tapak pembiakan serta sistem monokultur berskala besar.

"Kedua-dua perosak juga saling berkait, apabila kumbang ba-

dak membuka laluan untuk kumbang merah palma menyerang tisu lembut pokok," katanya.

Mengenai kaedah kawalan, beliau berkata, pendekatan biologi seperti penggunaan kulat entomopatogen (EPF) terhadap kumbang merah palma dan bio-racun ORY-X yang dibangunkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk kumbang badak terbukti berkesan.

"Selain itu, penyemburan toksin *Bacillus thuringiensis* (Bt) menggunakan dron mampu mengurangkan populasi larva sehingga 96 peratus.



Spesies asing invasif

Kumbang badak Guam

Dewasa jantan

Dewasa betina

